

PH cadang kerajaan hadkan pembelian barang keperluan asas

KUALA LUMPUR - Pakatan Harapan (PH) mencadangkan kerajaan menambah langkah mengehadkan pembelian barang keperluan asas di pasar raya bagi menjamin kuantiti mencukupi untuk semua yang memerlukan.

Menurut kenyataan Majlis Setiausaha PH semalam, langkah itu boleh dikuatkuasakan dengan pasar raya menganekan had pembelian seperti kemas penjualan murah bagi sesuatu produk.

Selain itu, kerajaan boleh menguat-

kuasakan had pembelian dengan kuasa Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di bawah Akta Kawalan Bekalan Makanan 1961.

"Majlis Setiausaha PH mengambil maklum isu barang keperluan pada waktu Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan terutama berkaitan pembelian secara panik, pencatutan serta stok barang keperluan asas di pasar raya.

"PH faham akan kegusaran dan ke-

resahan dalam kalangan rakyat Malaysia ketika ini lebih-lebih lagi dalam suasana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang baru dimulakan," katanya.

Menurut kenyataan itu, kerajaan tidak boleh berlengah dalam melaksanakan had pembelian barang keperluan asas demi menjamin keselamatan makanan bagi semua penduduk terutama sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan itu. - Bernama